



PENGURUSAN DANA
KUMPULAN RISDA HOLDING

ISI KANDUNGAN

PERKARA	TAJUK	MUKA SURAT
1.0	PENDAHULUAN	
	1.1 Definasi Pelaburan Dana	1
	1.2 Punca Kuasa Pengurusan Dana	1
	1.3 Sumber Dana	2
	1.4 Pelaburan Dana	2
2.0	PELABURAN PASARAN WANG	3
	2.1 Tujuan	3
	2.2 Jenis Pelaburan Pasaran Wang	3
	2.3 Kriteria Pelaburan	3
	2.4 Pembukaan Akaun Deposit Tetap	3
	2.5 Perletakan Deposit Tetap	4
	2.6 Perletakkan Deposit Tetap (Penyambungan)	4
	2.7 Pengeluaran Deposit Tetap	5
	Carta Alir Perletakkan Deposit Tetap (Dana Baru)	6
	Carta Alir Perletakkan Deposit Tetap (Penyambungan)	7
	Carta Alir Pengeluaran Deposit Tetap	8
	3.0	PELABURAN LAIN
3.1 Tujuan		9
3.2 Cadangan Pelaburan		9
3.3 Jawatankuasa Pelaburan		10
3.4 Ahli Jawatankuasa Pelaburan RHSB		11
3.5 Jawatankuasa Bagi Dana-Dana RISDA		11
3.6 Kelulusan Ahli Lembaga Pengarah		11
Carta Alir Pelaburan Lain (Dana KRH)		12
Carta Alir Pelaburan Lain (Dana RISDA)		13

1.0 PENDAHULUAN

1.1 DEFINISI PENGURUSAN DANA.

Pengurusan Dana adalah proses di mana syarikat menguruskan aset kewangan syarikat atau dana-dana RISDA yang diuruskan oleh Kumpulan RISDA Holdings bagi tujuan-tujuan yang telah ditetapkan dan menggunakan dana tersebut untuk melabur sebagai pelaburan operasi, pelaburan kewangan atau pelaburan lain untuk mengembangkan dana; selepas itu, pulangan akan direkodkan sebagai hasil pelaburan atau dikembalikan kepada pelabur sebenar dan sejumlah kecil pulangan ditahan sebagai keuntungan dana.

1.2 PUNCA KUASA PENGURUSAN DANA

1.2.1 Punca Kuasa

Kuasa untuk melaksanakan Perolehan KRH adalah berpunca daripada Akta dan peraturan seperti berikut:-

a) Seksyen 6 (1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]

Suatu Akta yang diperuntukkan bagi pengawalan dan pengelolaan wang awam Malaysia, dan bagi acara pengakaunan serta kewangan, termasuk acara bagi pemungutan, penjagaan dan pembayaran wang awam Persekutuan dan Negeri-negeri dan pembelian, penjagaan dan pelupusan harta awam dan perkara-perkara yang bersangkutan dengannya.

Pengurusan Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan dan pengawasan, kawalan dan arahan bagi semua perkara berhubung dengan hal ehwal kewangan Persekutuan, yang tidak diserahkan hak dengan khususnya kepada mana-mana orang lain oleh mana-mana undang-undang lain hendaklah tertakluk kepada Perlembagaan Persekutuan dan Akta ini, diletak hak pada Menteri.

b) Seksyen 5 Akta Perwakilan Kuasa 1956 [Akta 358]

Di mana ada undang-undang bertulis yang memberi kuasa kepada Menteri untuk melaksanakan apa-apa kuasa atau menjalankan apa-apa tugas, Menteri boleh, tertakluk kepada Seksyen 11, melalui pemberitahuan dalam warta mewakilkan kuasa yang tertakluk kepada apa-apa syarat dan sekatan yang boleh dinyatakan dalam pemberitahuan itu pelaksanaan kuasa itu atau menjalankan apa-apa tugas kepada mana-mana orang yang tertera melalui nama atau jawatan.

c) Akta Syarikat 2016 Seksyen 216 (1) – Tanggungjawab bagi tindakan perwakilan

Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya oleh Akta ini, perlembagaan atau mana-mana ketetapan Lembaga atau anggota Syarikat, pengarah boleh mewakilkan

mana-mana kuasa Lembaga kepada mana-mana jawatankuasa kepada Lembaga Pengarah, pegawai, pekerja, pakar atau mana-mana orang lain.

1.3 SUMBER DANA

Sumber dana Kumpulan RISDA Holdings terdiri daripada dana yang dijana dari perniagaan, suntikan modal, pendahuluan dan dana-dana RISDA atau akaun divisyen yang dipindah urus kepada Kumpulan RISDA Holdings. Akaun divisyen yang dipindah urus kepada KRH adalah seperti berikut:-

Bil	Akaun Divisyen	KRH yang menguruskan dana
1.	Rancangan Tanah Baru Berkelompok (RTBB)	RISDA Estate Sdn Bhd
2.	Akaun Skim Benih	RISDA Semaian Sdn Bhd
3.	Akaun Pembiayaan RISDA	Permodalan RISDA Berhad
4.	Dana Skim Benih	Permodalan RISDA Berhad
5.	Dana RTBB (Akaun Ladang, Penimbal, Rezab Tanam Semula)	Permodalan RISDA Berhad

Oleh yang demikian, pengurusan dana KRH terbahagi kepada 2 kategori iaitu:-

- 1) Pengurusan Dana Dalaman
 - Dana yang dijana dari aktiviti perniagaan, suntikan modal dan pendahuluan.
- 2) Pengurusan Dana Luaran
 - Dana RISDA yang diuruskan oleh KRH.

1.4 PELABURAN DANA

1.4.1 Dana-dana yang diuruskan oleh KRH dibenarkan untuk dilaburkan bagi menjana pendapatan kepada Syarikat. Pada masa ini pelaburan yang dibenarkan adalah menerusi pasaran wang iaitu simpanan tetap. Pelaburan selain daripada simpanan tetap, KRH perlulah membawa kertas cadangan untuk diperakui oleh Jawatankuasa Pelaburan dan seterusnya diluluskan oleh Ahli Lembaga Pengarah Syarikat.

1.4.2 Pelaburan dana-dana RISDA yang diuruskan oleh KRH juga tertakluk kepada perjanjian yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa RISDA serta apa-apa perubahan dari semasa ke semasa.


PERKARA 2	PELABURAN PASARAN WANG (Deposit Tetap)
ARAHAN NO :	TARIKH :
PINDAAN NO:	TARIKH :

BIL	PERKARA	KETERANGAN
1.	Tujuan	<p>SOP ini menerangkan prosedur Pelaburan Pasaran Wang. Prosedur ini perlu digunakan dalam Pelaksanaan setiap aktiviti peletakan dana di pasaran wang samada menggunakan dana dari KRH atau dana RISDA yang diuruskan oleh KRH untuk tujuan:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Memastikan Pelaburan di Pasaran Wang di laksanakan dengan teratur. ii) Mendapatkan kadar keuntungan yang terbaik
2.	Jenis Pelaburan Pasaran Wang Yang Dibenarkan	<ul style="list-style-type: none"> i) Sekuriti Kerajaan ii) Bil Perbendaharaan iii) Deposit Tetap iv) Wang Bermalam, dan v) Repurchase Agreement (REPO) <p>Sebarang jenis pelaburan pasaran wang selain yang disenaraikan diatas perlulah mendapatkan perakuan daripada Jawatankuasa Pelaburan dan Kelulusan Ahli Lembaga Pengarah.</p>
3.	Kriteria Pelaburan	<ul style="list-style-type: none"> i) Produk Kewangan mematuhi syariah. ii) Mengambil kira risiko dengan memastikan risiko yang minimum / munasabah. iii) Memberi pulangan yang tertinggi. iv) Tempoh matang tidak melebihi dari 65 hari v) Tempoh masa peletakan sesuatu pelaburan mengambil kira keperluan tunai. vi) Mempelbagaikan peletakan dana.
4.	Pembukaan Akaun Deposit Tetap	<ul style="list-style-type: none"> i) Setiap KRH perlulah membuka sekurang-kurangnya tiga akaun deposit tetap dengan bank atau Institusi Kewangan yang dilesenkan dan dikawalselia oleh Bank Negara. ii) Pembukaan Akaun perlu mendapatkan kelulusan Ahli Lembaga Pengarah KRH. iii) Pembukaan sekurang-kurangnya tiga akaun deposit tetap bagi memastikan KRH mendapatkan tawaran yang terbaik.


<p>5.</p>	<p>Peletakan Deposit Tetap</p>	<ul style="list-style-type: none"> i) Sebelum sesuatu peletakan deposit tetap dibuat KRH perlulah membuat anggaran baki dan keperluan tunai mengikut tempoh peletakan. ii) Perbandingan kadar keuntungan yang ditawarkan oleh Institusi Kewangan perlu dilaksanakan dan perlu disyorkan kepada Ketua Pegawai Eksekutif atau pegawai yang diberi kuasa terhadap Institusi Kewangan yang menawarkan kadar yang menguntungkan syarikat. iii) Mendapatkan kelulusan daripada Ketua Pegawai Eksekutif atau pegawai yang diberi kuasa. iv) Memberi arahan kepada bank melalui surat arahan peletakan deposit tetap dan menyediakan baucer bayaran. v) Membuat pindahan dana ke akaun deposit tetap. vi) Merekodkan ke dalam daftar deposit tetap. vii) Mengakaunkan deposit tetap. viii) Memastikan sijil simpanan tetap diterima dan difailkan.
<p>6.</p>	<p>Peletakan Deposit Tetap (Penyambungan)</p>	<ul style="list-style-type: none"> i) Sebelum sesuatu penyambungan deposit tetap dibuat KRH perlulah membuat anggaran baki dan keperluan tunai mengikut tempoh peletakan. ii) Perbandingan kadar keuntungan yang ditawarkan oleh Institusi Kewangan perlu dilaksanakan dan perlu disyorkan kepada Ketua Pegawai Eksekutif Institusi Kewangan yang menawarkan kadar yang menguntungkan syarikat. iii) Mendapatkan kelulusan daripada Ketua Pegawai Eksekutif atau pegawai yang diberi kuasa. iv) Memberi arahan kepada bank melalui surat penyambungan peletakan deposit tetap dan arahan pengambilan keuntungan. vi) Merekodkan ke dalam daftar deposit tetap. vii) Mengakaunkan keuntungan simpanan tetap. viii) Memastikan sijil simpanan tetap diterima dan difailkan.

<p>7.</p>	<p>Pengeluaran Deposit Tetap</p>	<ul style="list-style-type: none"> i) Analisis baki dan keperluan tunai bagi menentukan sama ada perlu membuat perletakan semula atau penyambungan. ii) Sekiranya kedudukan tunai tidak mencukupi untuk menampung operasi syarikat pengeluaran sepenuhnya perlulah dilaksanakan. iii) Kemuka cadangan pengeluaran kepada Pengurus Besar/Ketua Jabatan Kewangan. iv) Eksekutif Kewangan atau pegawai yang diberikuasa perlu menghubungi pihak bank / Institusi Kewangan dan menyediakan surat arahan pengeluaran dan ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa. v) Eksekutif Kewangan perlu memastikan nilai wang yang dipindahkan kepada syarikat perlu sama dengan nilai seperti didalam sijil dan anggaran keuntungan. vi) Sekiranya ianya tidak sama Eksekutif Kewangan perlu menghubungi semula pihak bank/Institusi Kewangan dan mencari punca perbezaan. vii) Setelah wang diterima ianya perlulah di akaunkan dan dicetak baucar terimaan dengan merekodkan keuntungan dan pemulangan nilai pokok deposit tetap. viii) Kemaskini daftar deposit tetap.
-----------	----------------------------------	---


CARTA ALIR PELABURAN DEPOSIT TETAP (PELETAKAN DANA BARU)



CARTA ALIR PELABURAN DEPOSIT TETAP (PENYAMBUNGAN)



CARTA ALIR PELABURAN DEPOSIT TETAP (PENGELUARAN)




PERKARA 3	PELABURAN LAIN
ARAHAN NO :	TARIKH :
PINDAAN NO:	TARIKH :

BIL	PERKARA	KETERANGAN
1.	Tujuan	<p>SOP ini menerangkan prosedur Pelaburan selain daripada pasaran wang dengan menggunakan sumber dalaman KRH atau sumber daripada dana-dana RISDA yang dipindah urus bagi memastikan:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Pelaburan yang hendak dibuat dapat memberi pulangan yang optimum dan mengambil kira risiko-risiko yang boleh diterima oleh Ahli Lembaga Pengarah. ii) Memastikan pelaburan yang dibuat teratur dan memenuhi syarat yang ditetapkan oleh perjanjian pengurusan dana-dana RISDA.
2.	Cadangan Pelaburan	<ul style="list-style-type: none"> i) Setiap cadangan pelaburan perlulah dikemukakan kepada Jabatan Pembangunan Perniagaan dan Korporat (JPPK) RHSB untuk dinilai dan dibuat kajian kebolehlaksanaan. KRH perlulah menyediakan maklumat-maklumat yang dikehendaki JPPK bagi membolehkan kajian dilaksanakan. ii) Kajian Kebolehlaksanaan termasuk : <ul style="list-style-type: none"> a. Kajian Wajaran (Due Diligence) b. Analisa Kewangan. (Unjuran tunai) c. Analisa Risiko d. Analisa Keuntungan (Internal Rate of Return (IRR), Return on Investment (ROI), Payback Period dan Net Present Value (NPV)) iii) Kertas kerja ini akan disediakan oleh JPPK RHSB bersama-sama Ketua Unit Korporat Subsidiari. iv) Pengurus Besar JPPK perlu mengemukakan hasil Analisa beserta dengan Syor kepada Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan (KPEK) sama ada pelaburan berpotensi untuk dilaksanakan atau sebaliknya.

		<p>v) Pelaburan Menggunakan Dana Dalam KRH. Kertas kerja pelaburan yang telah dianalisa akan dikemukakan kepada setiausaha syarikat untuk dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Pelaburan RHSB bagi memperakukan pelaksanaan pelaburan tersebut. KRH perlu mematuhi SOP Pelaburan yang telah dikeluarkan oleh RHSB.</p> <p>vi) Pelaburan Menggunakan Dana-Dana RISDA. Pelaburan yang menggunakan Dana RISDA Kertas Kerja yang telah dianalisa perlu dibawa kepada Jawatankuasa Pentadbir Dana atau Jawatankuasa yang ditentukan oleh RISDA.</p>
3.	Jawatankuasa Pelaburan	<p>i) Jawatankuasa Pelaburan perlu menilai pelaburan yang dicadangkan dan memperakukan pelaburan tersebut.</p> <p>ii) Bidang kuasa Jawatankuasa Pelaburan RHSB adalah seperti berikut:-</p> <p>a) Memastikan pelaksanaan sistem tadbir urus, meneliti, menilai potensi dan mengkaji pelan tindakan pengurusan risiko bagi setiap projek baru yang dicadangkan.</p> <p>b) Mengesyorkan Polisi Pengurusan Risiko yang menentukan dasar-dasar dan garis panduan utama, dan apa-apa perubahan penting yang perlu diluluskan.</p> <p>c) Memastikan risiko kritikal dipertimbangkan dalam pelan pengurusan.</p> <p>d) Merancang aktiviti dan projek yang melibatkan kerjasama dengan pihak luar.</p> <p>e) Menasihati syarikat subsidiari dalam pengurusan aktiviti atau projek sedia ada yang berisiko tinggi.</p> <p>f) Meneliti segala bentuk keputusan, tindakan dan perancangan, yang telah dibuat oleh syarikat kepada Jawatankuasa Pelaburan.</p> <p>g) Memastikan pengenalpastian risiko utama dalam perniagaan dan pelaksanaan jaringan sistem pengurusan risiko dalam menguruskan risiko-risiko yang berkaitan perniagaan.</p>

4.	Ahli Jawatankuasa Pelaburan RHSB	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Jawatan</th> <th>Keahlian</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Pengerusi</td> <td>Ahli Lembaga Pengarah (Profesional)</td> </tr> <tr> <td>Ahli</td> <td> i. Ahli Lembaga Pengarah (Profesional) ii. Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan RHSB. iii. Wakil Ahli Lembaga Pengarah KRH iv. Pengarah Bahagian Pelaburan dan Pembangunan Syarikat RISDA </td> </tr> <tr> <td>Setiausaha</td> <td>Pengurus Besar Jabatan Perancangan dan Pembangunan Korporat RHSB</td> </tr> <tr> <td>Korum</td> <td>Tiga (3) orang tidak termasuk Setiausaha</td> </tr> </tbody> </table>	Jawatan	Keahlian	Pengerusi	Ahli Lembaga Pengarah (Profesional)	Ahli	i. Ahli Lembaga Pengarah (Profesional) ii. Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan RHSB. iii. Wakil Ahli Lembaga Pengarah KRH iv. Pengarah Bahagian Pelaburan dan Pembangunan Syarikat RISDA	Setiausaha	Pengurus Besar Jabatan Perancangan dan Pembangunan Korporat RHSB	Korum	Tiga (3) orang tidak termasuk Setiausaha
		Jawatan	Keahlian									
		Pengerusi	Ahli Lembaga Pengarah (Profesional)									
		Ahli	i. Ahli Lembaga Pengarah (Profesional) ii. Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan RHSB. iii. Wakil Ahli Lembaga Pengarah KRH iv. Pengarah Bahagian Pelaburan dan Pembangunan Syarikat RISDA									
		Setiausaha	Pengurus Besar Jabatan Perancangan dan Pembangunan Korporat RHSB									
Korum	Tiga (3) orang tidak termasuk Setiausaha											
5.	Jawatankuasa Bagi Dana-Dana RISDA.	<p>Terdapat beberapa Jawatankuasa yang diwujudkan bagi pengurusan Dana RISDA sebagai contoh:</p> <p>a) Jawatankuasa Rancangan Tanah Baru Berkelompok (RTBB).</p> <p>b) Jawatankuasa Skim</p> <p>Kelulusan Pelaburan bagi Dana-Dana RISDA perlulah mengikut terma rujukan Dana-Dana tersebut. Keahlian dan bidang kuasa sepertimana yang ditetapkan oleh RISDA.</p>										
6.	Kelulusan Ahli Lembaga Pengarah Syarikat	Setelah kertas-kerja pelaburan diperaku oleh Jawatankuasa pelaburan. RHSB / KRH perlu mendapatkan kelulusan Ahli Lembaga Pengarah Syarikat.										
7.	Perlaksanaan Pelaburan	KPEK/KPE perlulah melaksanakan pelaburan sepertimana kelulusan Ahli Lembaga Pengarah Syarikat.										

CARTA ALIR PELABURAN LAIN (DANA KRH)



CARTA ALIR PELABURAN LAIN (DANA RISDA)

